

Tahap Efikasi Kendiri Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Kekeluargaan

Rahimah Jamaluddin*, Rosini Abu, Abdullah Mat Rashid, Habsah Ismail

Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: imah_upm@putra.upm.edu.my

Abstract

Family teaching is a sub-topic in five subjects taught at secondary school level namely Home Economics, Moral Education, Physical Education and Health, Civic Education and Citizenship as well as Islamic Education. The main focus of this study was to identify the efficacy level of family teaching especially among teachers of various specialisations. 419 teachers in 50 secondary schools in Peninsular Malaysia were selected as research respondents. The instrument used in the data collection was "Teacher Sense of Efficacy Scale" (TSES) designed by Tschanen Moran and Woolfolk Hoy (2001). The three aspects of teacher self-efficacy studied were teaching strategy, classroom management strategy and student involvement strategy. Findings from the study indicated that the mean value at a range between 6.14 to 6.59 for family teaching efficacy and the three sub-scales. The analysis range between quartiles showed overall family teaching of teachers was moderate. Teacher self-efficacy in the aspects of teaching strategy, classroom management strategy and student involvement strategy were also moderate. Discussion and recommendations for improving family teaching efficacy were presented.

Keywords: Teacher self-efficacy; family teaching

Abstrak

Di peringkat sekolah menengah, pengajaran kekeluargaan merupakan sub topik dalam lima mata pelajaran iaitu dalam mata pelajaran Ekonomi Rumah Tangga (ERT), Pendidikan Moral, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (JPK), Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK) serta Pendidikan Islam. Sehubungan itu, fokus utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap efikasi kendiri guru dalam melaksanakan pengajaran kekeluargaan khususnya dalam kalangan guru yang pelbagai pengkhususan. Seramai 419 orang guru yang mengajar di 50 buah sekolah menengah di Semenanjung Malaysia terpilih sebagai responden kajian. Data diperolehi menggunakan instrumen "Teacher Sense of Efficacy Scale" (TSES) yang dibina oleh Tschanen Moran dan Woolfolk Hoy (2001). Terdapat tiga aspek efikasi kendiri guru yang dikaji iaitu efikasi dalam aspek strategi pengajaran, aspek pengurusan bilik darjah dan aspek penglibatan murid. Dapatkan kajian menunjukkan nilai min yang diperolehi adalah antara 6.14 hingga 6.59 bagi efikasi kendiri guru dalam melaksanakan pengajaran kekeluargaan dan tiga sub-skalanya. Analisis julat antara kuartil pula menunjukkan secara keseluruhan efikasi kendiri guru dalam melaksanakan pengajaran kekeluargaan berada di tahap sederhana. Efikasi kendiri guru dalam aspek strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penglibatan murid juga berada di tahap sederhana. Perbincangan dan cadangan untuk meningkatkan efikasi pengajaran kekeluargaan turut diuraikan.

Kata kunci: Efikasi kendiri guru; pengajaran kekeluargaan

© 2014 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■1.0 PENGENALAN

Pendidikan kekeluargaan merupakan satu cabang ilmu yang memberi penekanan kepada domain afektif dalam membincangkan aspek-aspek berkaitan dengan kehidupan berkeluarga. Menurut Bloom (1984), domain afektif memberi tumpuan kepada unsur-unsur kesedaran, sensitiviti, sikap, pertimbangan, emosi, pendirian dan sebagainya bertujuan mengembangkan pemikiran moral dan aspek-aspek kemanusiaan pada diri pelajar. Secara tradisinya, ilmu kekeluargaan diajar secara tidak formal kepada golongan wanita melalui konsep pewarisan ilmu iaitu daripada ibu bapa atau generasi yang terdahulu dari mereka (Ramlah, 1991). Walau bagaimanapun dalam kehidupan yang serba kompleks kini, peranan ibu bapa dan ahli keluarga sahaja dilihat tidak lagi mencukupi. Pengaruh faktor persekitaran seperti media massa dan media elektronik dilihat lebih mencabar dan mampu menggonggong keharmonian sesebuah rumah tangga. Justeru itu, tugas mendidik generasi baru khususnya dalam menyediakan mereka dengan ilmu kekeluargaan perlu dikongsi bersama antara ibu bapa dengan institusi lain seperti sekolah.

Pendidikan kekeluargaan berkait rapat dengan fungsi sosialisasi dan merupakan tapak latihan kepada anak-anak untuk bersedia melangkah ke masyarakat yang lebih besar dengan lebih berilmu dan berani (Azizi, Halimah, Shahrin, Yusof & Jamaludin, 2009). Menurut Simpson (2001), usia remaja merupakan usia yang terbaik untuk diterapkan nilai kekeluargaan dan diberikan pendedahan tentang hal-hal yang berkaitan dengan kekeluargaan. Berhubung dengan perkara ini, Dana (2002) dalam projek "*Prepare Tomorrow's Parents*", menyatakan bahawa "generasi muda bukan hanya sekadar perlu diberikan persediaan *school to work* semata-mata tetapi mereka juga perlu diberi persediaan yang rapi tentang satu pekerjaan penting yang akan diceburi oleh hampir semua orang iaitu kerjaya sebagai ibu bapa". Ini penting bagi mewujudkan kesedaran pada diri remaja akan tanggungjawab sebagai ibu bapa dan meningkatkan kesediaan mereka untuk

melangkah masuk ke alam dewasa atau alam keibubapaan. Dengan mempelajari ilmu kekeluargaan, murid menjadi lebih bijak dalam membuat percaturan, perancangan masa depan dan lebih matang dalam membuat keputusan (Simpson, 2001).

Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil langkah awal dengan memperkenalkan dan menerapkan nilai kekeluargaan dalam kurikulum di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Berdasarkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM, 1992), aspek kekeluargaan dicakup dalam lima mata pelajaran iaitu Ekonomi Rumah Tangga (ERT), Moral, Jasmani dan Kesihatan (PJK), Sivik dan Kewarganegaraan (PSK) serta dalam Pendidikan Islam (Huraian Sukatan Pelajaran KBSM, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, 1999; Moral, 2000; Pendidikan Islam, 2000; Ekonomi Rumah Tangga, 2003; Sivik dan Kewarganegaraan, 2008). Penerapan nilai kekeluargaan merentas kurikulum memerlukan semua mata pelajaran yang terlibat menyumbang kepada penerapan nilai tersebut. Menurut Abdul Rafie (2001), faktor yang paling penting dalam menentukan kejayaan atau kegagalan proses penyerapan nilai dan ilmu adalah bergantung kepada guru yang menyampaikan pelajaran. Oleh yang demikian, guru yang menyampaikan perlu memiliki kualiti tertentu seperti pengetahuan tentang mata pelajaran dan kepelbagaiannya penggunaan pendekatan pengajaran untuk menangani kedinamikan subjek itu.

Namun begitu, berdasarkan tinjauan yang dibuat didapati kebanyakan guru yang mengajar kekeluargaan (guru ERT, Moral, PJK, PSK dan P.Islam) mempunyai pelbagai latar belakang, pengkhususan dan pengalaman. Merujuk kepada data opsyen guru yang dikeluarkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan 2011, didapati peratusan guru yang mengajar tidak mengikut opsyen adalah tinggi terutama sekali dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran Moral iaitu sebanyak 88%, 81.9% bagi mata pelajaran PJK, 98.5% bagi mata pelajaran PSK dan 55.1% bagi mata pelajaran ERT. Ini bermakna guru-guru yang mengajar kekeluargaan terdiri daripada guru pelbagai opsyen yang berpengkhususan dalam pelbagai bidang termasuklah bidang sains tulen, sains sosial, bahasa dan teknologi. Selain itu, berdasarkan sinopsis kursus yang ditawarkan dalam program pendidikan guru di peringkat universiti, penyelidik mendapati guru yang mengajar lima mata pelajaran ini mendapat pendedahan yang minima tentang aspek kekeluargaan jika dibandingkan dengan aspek-aspek lain. Kebanyakan daripada mereka hanya mengikuti satu kursus (3 kredit) yang berkaitan dengan aspek kekeluargaan. (Skema Pengajian, Risalah Panduan Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM 2008–2011; Panduan Akademik Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Penyelidikan Sultan Idris 2008/2009; Panduan Akademik Sesi 2008–2009, Kolej Sastera & Sains, UUM).

Bagi mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan pula, mata pelajaran ini baharu diperkenalkan semula dalam sistem pendidikan di Malaysia secara berperingkat mulai tahun 2005. Oleh kerana latihan perguruan dalam bidang pengajaran PSK masih belum diadakan, maka Pusat Perkembangan Kurikulum menganjurkan Kursus Kejurulatihan kepada guru yang bakal mengajar PSK. Namun begitu, kursus yang ditawarkan adalah merupakan kursus jangka pendek dan tidak melibatkan semua guru yang mengajar mata pelajaran PSK. Ekoran dari itu, Pusat Perkembangan Kurikulum (2005) melaporkan bahawa guru menghadapi kekangan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang menjurus kepada aspek penerapan nilai. Antara permasalahan yang sering kali dihadapi oleh guru ialah kesukaran menghubung kaitkan antara isi pelajaran dan nilai murni serta kelemahan penguasaan pedagogi untuk menerapkan nilai murni dalam mata pelajaran yang diajar.

Menyedari hakikat besarnya tanggungjawab dan peranan guru dalam membentuk generasi akan datang, maka wujudnya keperluan untuk mengkaji tahap efikasi kendiri guru dalam melaksanakan pengajaran kekeluargaan khususnya dalam kalangan guru yang pelbagai pengkhususan. Kajian ini diharapkan dapat membantu meningkatkan kualiti program pendidikan guru serta membantu pihak sekolah mencapai matlamat pengajaran kekeluargaan seperti yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.1 Efikasi Kendiri Guru

Efikasi kendiri guru merupakan elemen penting yang perlu ada pada setiap guru kerana ia merujuk kepada keyakinan seseorang terhadap kemampuan dirinya untuk belajar, melakukan tingkah laku pada tahap yang dituntut, menguruskan tugas dan mendapatkan hasil yang diingini (Bandura, 1986, 1977). Bandura mengandaikan bahawa cara manusia berfungsi dalam kehidupannya adalah dipengaruhi oleh tiga elemen yang membentuk segi tiga iaitu: (a) faktor personal yang meliputi kognitif, perasaan dan unsur biologi, (b) tingkah laku individu dan (c) pengaruh persekitaran yang membentuk interaksi. Ketiga-tiga elemen ini dilihat mempunyai hubungan timbal balik yang diistilahkan sebagai konsep ‘penentuan bersalingan’ (*reciprocal determinism*). Menurut Bandura, kognitif berperanan penting untuk menentukan efikasi kendiri, aturan kendiri, informasi dan membentuk tingkah laku individu (Pajaras, 2001).

Efikasi kendiri dalam konteks ini merujuk kepada persepsi kendiri atau jangkaan seseorang terhadap kecekapan yang akan dihasilkan berbanding kecekapan sebenar yang dimilikinya. Perbezaan terhadap persepsi kendiri ini penting untuk diketahui kerana individu selalunya akan menganggar lebih atau kurang daripada keupayaan dirinya yang sebenar. Anggaran ini akan memberi kesan terhadap tindakan yang akan diambil oleh individu untuk meneruskan usaha atau daya usaha yang akan dicurahkan dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Setiap individu mempunyai tahap efikasi kendiri yang berbeza. Sesetengah individu mempunyai keyakinan tinggi terhadap kebolehan dirinya manakala yang lain pula sebaliknya. Individu yang mempunyai jangkaan efikasi kendiri yang tinggi akan lebih berusaha, bermotivasi dan cenderung untuk mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi (Pajaras, 2001). Guru yang berefikasi kendiri tinggi juga dikatakan mudah untuk menerima idea-idea baru (Guskey, 1988; Shidler, 2009), lebih cenderung untuk menggunakan pendekatan dan strategi baru dalam pengajaran (Shidler, 2009), menggunakan teknik pengurusan yang boleh meningkatkan autonomi murid dan mampu menetapkan matlamat yang boleh dicapai (Ross, 1994). Manakala individu yang kurang yakin atau ragu-ragu dengan kebolehpercayaan diri selalunya memperolehi pencapaian rendah dalam pencapaian tugas (Pajaras, 2001), tidak berusaha menetapkan matlamat yang harus dicapai oleh murid, sering kecewa dengan tugasnya sebagai guru, mempunyai perasan negatif terhadap kerja dan juga terhadap muridnya (Ashton, 1984).

Teori ini secara konsisten menunjukkan bahawa jangkaan guru terhadap keupayaan diri berperanan penting dalam menentukan keberkesan proses penerapan nilai dan ilmu kekeluargaan kepada murid. Pengajaran yang berkesan akan berlaku apabila guru mempunyai efikasi kendiri yang tinggi, lebih-lebih lagi tatkala mengajar subjek yang tidak boleh diukur secara terus melalui pencapaian. Justeru itu, guru perlu mempunyai jangkaan efikasi kendiri yang tinggi kerana anggaran terhadap keupayaan diri akan mempengaruhi guru untuk menggunakan kemahiran sedia adanya dengan sebaik mungkin (Tschannen-Moran, Woolfolk Hoy & Hoy, 1998). Keyakinan yang dimiliki akan dapat menjangkakan pencapaian yang tinggi serta dapat menjangkakan kualiti yang baik dalam kerjaya guru pada masa akan datang.

■2.0 METODOLOGI KAJIAN

2.1 Populasi dan Sampel Kajian

Seramai 419 guru yang mengajar di 50 buah sekolah menengah di Semenanjung Malaysia terlibat dalam kajian ini. Responden kajian terdiri daripada 73 orang guru Ekonomi Rumah Tangga, 72 guru Moral, 93 guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, 89 guru Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan serta 92 guru Pendidikan Islam.

2.2 Instrumen Kajian

Instrumen *Teachers' Sense of Efficacy Scale* (TSES) yang dibina oleh Tschannen-Moran dan Woolfolk Hoy (2001) digunakan dalam kajian ini. Instrumen ini terdiri daripada 24 item yang mencakupi tiga aspek efikasi kendiri (strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penglibatan murid) dengan skala *likert* 9 mata. Instrumen ini telah diterjemah ke Bahasa Malaysia oleh Rahmah (2005) menggunakan kaedah *back to back translation*. Nilai *Cronbach Alpha* yang diperolehi adalah .96 bagi efikasi pengajaran kekeluargaan, .91 bagi aspek strategi pengajaran, .86 bagi aspek pengurusan bilik darjah dan .91 bagi aspek penglibatan murid. Ini menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan dianggap baik (Creswell, 2005).

2.3 Pengumpulan Data dan Analisis Data Kajian

Bagi membolehkan proses pengumpulan data dijalankan, kebenaran menjalankan kajian terlebih dahulu diperoleh dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Jabatan Pelajaran Negeri di Semenanjung Malaysia dan pengetua sekolah. Soal selidik kajian kemudiannya dihantar kepada pengetua sekolah dan seterusnya diserahkan kepada guru-guru yang terpilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Soal selidik kajian terdiri daripada instrumen TSES termasuk soalan berkaitan latar belakang responden. Data yang lengkap dianalisis dengan bantuan perisian PASW bagi mendapatkan nilai min, sisihan piawai, peratusan dan julat antara kuartil bagi efikasi pengajaran kekeluargaan dan tiga sub-skala efikasi kendiri yang dikaji.

■3.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

3.1 Demografi Responden

Daripada jumlah keseluruhan responden, 319 atau 76.1% guru adalah perempuan dan majoritinya berbangsa Melayu. Sebanyak 53.2% guru mengajar di sekolah kategori bandar. Responden kajian berumur antara 22 hingga 57 tahun dengan purata umur 39.26 tahun. Sejumlah besar guru berpengalaman mengajar kekeluargaan kurang dari lima tahun dengan nilai min 6.75 (SD 6.91). Dapat menunjukkan terdapat 60 atau 14.3% guru yang tidak mempunyai pengalaman mengajar kekeluargaan sebelumnya. Dari segi kesepadan antara opsyen guru dengan mata pelajaran yang diajar, 53% guru mengajar mengikut opsyen manakala 47% lagi tidak berpeluang untuk mengajar mata pelajaran opsyen. Merujuk kepada data status mata pelajaran yang diajar pula, didapati status mata pelajaran yang diajar bagi 212 atau 50.6% guru adalah sampingan. Dapat menunjukkan bahawa wujudnya masalah ketidaksepadan antara opsyen guru dengan mata pelajaran yang diajar.

Dari aspek kursus kekeluargaan, dapatan kajian menunjukkan seramai 298 (71.1%) guru tidak mengikuti kursus kekeluargaan semasa menjalani program latihan perguruan. Begitu juga dengan latihan dalam perkhidmatan, sebahagian besar guru iaitu 308 atau 73.5% daripadanya tidak berpeluang mengikuti latihan berkaitan kekeluargaan. Ini menunjukkan bahawa tidak semua program perguruan ada menawarkan kursus kekeluargaan bagi bakal guru yang akan mengajar mata pelajaran ERT, Moral, PJK, PSK dan Islam. Ini bermakna terdapat responden yang mengajar tanpa mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mendalam tentang isi kandungan mata pelajaran yang diajar. Taburan kekerapan dan peratusan demografi responden adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Taburan kekerapan dan peratusan demografi responden

| Demografi | Kekerapan (N=419) | Peratusan (%) |
|-------------------------|-------------------|---------------|
| Jantina | | |
| Lelaki | 100 | 23.9 |
| Perempuan | 319 | 76.1 |
| Bangsa | | |
| Melayu | 380 | 90.7 |
| Cina | 11 | 2.6 |
| India | 25 | 6.0 |
| Bumiputra | 3 | 0.7 |
| Kategori sekolah | | |
| Bandar | 223 | 53.2 |
| Luar Bandar | 196 | 46.8 |
| Umur | (Min: 39.26) | (SP= 7.79) |
| Kurang dari 30 tahun | 63 | 15.0 |
| 31 hingga 39 tahun | 156 | 37.2 |
| 40 hingga 48 tahun | 142 | 33.9 |
| 49 tahun ke atas | 58 | 13.8 |

| | | |
|---|-------------|------------|
| Pengalaman mengajar Kekeluargaan | (Min: 6.75) | (SP= 6.91) |
| Tiada pengalaman | 60 | 14.3 |
| Kurang dari 5 tahun | 156 | 37.2 |
| 5 hingga 15 tahun | 133 | 31.7 |
| Lebih dari 15 tahun | 70 | 16.7 |
| Kesepadan antara opsyen guru dengan mata pelajaran yang diajar | | |
| Sama | 222 | 53.0 |
| Tidak sama | 194 | 47.0 |
| Status mata pelajaran yang diajar | | |
| Mata pelajaran utama | 207 | 49.4 |
| Mata pelajaran sampingan | 212 | 50.6 |
| Kursus kekeluargaan semasa menjalani latihan perguruan | | |
| Ikuti kursus | 121 | 28.9 |
| Tidak ikuti kursus | 298 | 71.1 |
| Latihan berkaitan kekeluargaan semasa dalam perkhidmatan | | |
| Ikuti latihan | 111 | 26.5 |
| Tidak ikuti latihan | 308 | 73.5 |

3.2 Tahap Efikasi Pengajaran Kekeluargaan

Berdasarkan Jadual 2, dapatkan menunjukkan min efikasi efikasi kendiri guru dalam melaksanakan pengajaran kekeluargaan adalah 6.43 dengan sisihan piawai .81. Manakala min bagi tiga sub-skala efikasi kendiri pula adalah 6.55 (SP=.91) bagi strategi pengajaran, 6.59 (SP=.87) bagi pengurusan bilik darjah dan 6.14 (SP=.83) bagi aspek penglibatan.

Jadual 2 Taburan min dan sisihan piawai efikasi pengajaran kekeluargaan dan sub-skalanya

| Pemboleh ubah | Min | SP |
|---|------------|-----------|
| Efikasi pengajaran kekeluargaan | 6.43 | .81 |
| Efikasi dalam aspek strategi pengajaran | 6.55 | .91 |
| Efikasi dalam aspek pengurusan bilik darjah | 6.59 | .87 |
| Efikasi dalam aspek penglibatan murid | 6.14 | .83 |

Seterusnya, bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci, analisis julat antara kuartil dijalankan bagi menentukan bilangan responden yang berada ditahap efikasi pengajaran kekeluargaan rendah, sederhana dan tinggi. Berdasarkan Jadual 3 dapatkan menunjukkan efikasi kendiri guru dalam melaksanakan pengajaran kekeluargaan berada di tahap sederhana. Seramai 204 atau 48.7% responden tergolong dalam kategori efikasi pengajaran kekeluargaan tahap sederhana. Responden yang berada dalam kategori efikasi pengajaran kekeluargaan tahap tinggi adalah seramai 109 orang (26%) dan responden yang berada dalam kategori efikasi pengajaran kekeluargaan tahap rendah pula seramai 106 orang (25.3%). Ini menunjukkan bahawa masih terdapat responden yang mempunyai kepercayaan yang rendah terhadap keupayaan dirinya dalam mengajar kekeluargaan. Jadual 3 juga memperlihatkan bahawa efikasi kendiri responden dalam aspek strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penglibatan murid juga berada di tahap sederhana.

Jadual 3 Taburan tahap efikasi kendiri guru dalam melaksanakan pengajaran kekeluargaan dan sub-skalanya

| Pemboleh Ubah | Tahap | Frekuensi N=419 | Peratusan % |
|---------------------------------------|--------------|------------------------|--------------------|
| Efikasi pengajaran kekeluargaan | Rendah | 106 | 25.3 |
| | Sederhana | 204 | 48.7 |
| | Tinggi | 109 | 26.0 |
| Efikasi Dalam Strategi Pengajaran | Rendah | 91 | 21.7 |
| | Sederhana | 213 | 50.8 |
| | Tinggi | 115 | 27.4 |
| Efikasi Dalam Pengurusan Bilik Darjah | Rendah | 135 | 32.2 |
| | Sederhana | 193 | 46.1 |
| | Tinggi | 91 | 21.7 |
| Efikasi Dalam Penglibatan Murid | Rendah | 99 | 23.6 |
| | Sederhana | 217 | 51.8 |
| | Tinggi | 103 | 24.6 |

■4.0 PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan nilai min yang diperolehi adalah antara 6.14 hingga 6.59 bagi efikasi pengajaran kekeluargaan dan tiga subjeknya. Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian tempatan terdahulu seperti Khalid, Zurida, Shuki dan Ahmad Tajuddin (2009), Siti Safariah (2009), Abd Rahim, Mohd. Majid, Rashid dan Novel (2009) serta Teng (2006) yang memperolehi min efikasi kendiri melebihi nilai .60 bagi guru sekolah menengah di Malaysia. Dapatan kajian ini juga konsisten dengan dapatan kajian luar negara seperti Kotaman (2010), Fives dan Buehl (2009) serta Cheung (2008). Walau bagaimanapun, Analisis julat antara kuartil menunjukkan hanya 26% guru sahaja yang tergolong dalam kategori efikasi pengajaran kekeluargaan tahap tinggi. Manakala 48.7% lagi tergolong dalam kategori efikasi pengajaran kekeluargaan tahap sederhana. Tahap efikasi sederhana ini menggambarkan bahawa guru berasa kurang yakin dengan keupayaan dirinya dalam menyampaikan ilmu kekeluargaan kepada murid.

Tahap efikasi kendiri guru yang sederhana perlu ditangani dengan segera kerana ia boleh memberi kesan ke atas hasil pengajaran guru (Ross, 1994), yakni usaha dan kesungguhan guru dalam menyampaikan dan memberi kefahaman kepada murid tentang kekeluargaan. Keadaan ini berlaku apabila guru berhadapan dengan masalah atau kekangan dalam melaksanakan tugas pengajaran dalam konteks sebenar persekolahan. Lebih-lebih lagi apabila guru diminta untuk mengajar mata pelajaran yang bukan opsyennya (Hoy dan Spero, 2005). Kenyataan ini sejajar dengan dapatan kajian yang menunjukkan terdapat 14.3% guru yang baru pertama kali mengajar kekeluargaan dan 47% daripada responden adalah merupakan guru bukan opsyen. Ini menyebabkan motivasi guru menurun dan sekaligus memberi kesan yang negatif ke atas efikasi kendiri guru dalam melaksanakan tugas pengajaran (Hoy & Spero, 2005).

Menurut Coladaci (1992) guru yang berefikasi kendiri rendah mempunyai aspirasi yang rendah. Apabila berhadapan dengan tugas pengajaran yang baharu atau sukar, guru akan memfokuskan kepada rintangan tetapi tidak menumpukan usaha untuk mengatasi rintangan tersebut. Situasi ini menyebabkan guru tidak berusaha untuk mencari atau menambah pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan, sebaliknya mencari alasan atau helah untuk tidak mengajar mata pelajaran tersebut. Ini menyokong dapatan kajian Abdul Shatar (2007) yang mendapati guru menggunakan waktu pengajaran PSK, PJK dan Moral sama ada untuk mengajar mata pelajaran lain atau melaksanakan aktiviti yang bukan akademik. Selain itu, dapatan menunjukkan efikasi kendiri guru dalam aspek pengurusan bilik darjah juga berada di tahap yang sederhana.

Bagaimanapun, nilai min yang diperolehi adalah lebih tinggi berbanding aspek strategi pengajaran dan penglibatan murid. Ini disebabkan oleh faktor pengalaman mengajar. Sebagai seorang pendidik, sudah pasti guru perlu mengurus dan mengendalikan bilik darjah walau apa jua subjek yang diajar. Pengalaman harian inilah yang menjadi sumber kepada efikasi kendiri guru dan seterusnya meningkatkan kepercayaan guru terhadap keupayaan dirinya dalam mengurus bilik darjah (Tschannen-Moran & Hoy, 2001; Wolters & Daugherty, 2007). Memandangkan sebahagian besar responden (86.4%) telah pun berkhidmat sebagai guru lebih dari lima tahun, maka tanggapan mereka terhadap keupayaan dirinya dalam menguruskan bilik darjah adalah lebih tinggi. Ini sejajar dengan kenyataan Bandura (1997) yang menyatakan bahawa pengalaman masteri merupakan sumber utama yang dapat meningkatkan efikasi kendiri guru.

Dalam aspek strategi pengajaran dan penglibatan murid pula, didapati 50% guru sedar akan keupayaan dirinya hanyalah sekadar sederhana. Hal ini terjadi disebabkan oleh beberapa faktor yang berkait secara langsung dengan latar belakang responden. Misalnya dapatan menunjukkan 47% responden mengajar tidak mengikut opsyen dan memiliki pengalaman mengajar kekeluargaan kurang dari 5 tahun. Bahkan sebahagian besar responden dilaporkan tidak mengikuti kursus kekeluargaan semasa menjalani latihan perguruan dan tidak berpeluang menghadiri latihan berkaitan kekeluargaan semasa dalam perkhidmatan. Ini menyebabkan guru-guru ini kurang berkeyakinan atau berkeupayaan untuk mengajar kekeluargaan.

Secara tidak langsung dapatan yang diperolehi ini menunjukkan bahawa guru yang mengajar mata pelajaran ERT, Moral, PJK, PSK dan P.Islam tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mendalam tentang kandungan aspek kekeluargaan yang diajar. Tanpa adanya pengetahuan yang mendalam tentang kekeluargaan dan tiadanya kemahiran pedagogi untuk mengajar kekeluargaan, maka sudah pasti ini akan memberi kesan dan impak yang besar ke atas efikasi kendiri guru dalam mengajar kekeluargaan (Shulman, 1986). Dalam hal ini Martin, Engelbrecht dan Chenoweth (1994) menyatakan bahawa untuk menghasilkan pengajaran kekeluargaan yang berkesan, guru perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang isi kandungan bidang pengajarannya, cekap dalam memilih dan menggunakan pelbagai teknik pengajaran serta berupaya untuk menilai hasil pengajarannya.

■5.0 KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap efikasi pengajaran kekeluargaan dalam kalangan guru sekolah menengah adalah sederhana. Tahap efikasi kendiri guru dalam aspek strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penglibatan murid juga adalah sederhana. Efikasi kendiri yang sederhana ini mungkin disebabkan oleh kurangnya keyakinan guru terhadap keupayaan dirinya dalam menggalas tanggungjawab yang diberikan. Walaupun guru telah dilengkapkan dengan ilmu-ilmu asas yang berkait dengan pengajaran dan pembelajaran semasa mengikuti program latihan perguruan, namun adakalanya tidak semua ilmu dan kemahiran yang diperolehi itu dapat digunakan sepenuhnya. Dengan itu, intervensi ataupun latihan khusus perlu dirancang bagi mempertingkatkan efikasi kendiri guru dalam mengajar kekeluargaan. Sesungguhnya, sekolah memerlukan guru yang mempunyai efikasi pengajaran kekeluargaan yang tinggi kerana guru yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi akan lebih bersedia untuk mencuba pelbagai strategi pengajaran, bermotivasi dan mempunyai enthusiasm yang tinggi bagi memastikan objektif pengajaran kekeluargaan akan dapat dicapai.

■6.0 CADANGAN

Dapatan kajian yang diperolehi memberi sumbangan yang penting dalam mengenal pasti status semasa tahap efikasi pengajaran kekeluargaan khususnya dalam kalangan guru yang pelbagai. Dapatan kajian ini mencadangkan supaya pentadbir sekolah memastikan guru yang dilantik untuk mengajar mata pelajaran ERT, Moral, PJK, PSK dan P.Islam diajar oleh guru yang berkelayakan dan berpengkhususan dalam bidang pengajaran masing-masing. Selain itu, dapatan kajian ini juga mencadangkan supaya pihak yang terlibat khususnya Institusi Latihan Perguruan yang melatih bakal guru dapat mempertingkatkan program latihan bagi membantu guru membina

kepercayaan efikasi kendiri yang lebih positif. Antaranya ialah dengan memberi pendedahan kepada guru tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan kekeluargaan dan menawarkan lebih banyak kursus yang berkaitan dengan kekeluargaan. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia juga perlu menyediakan lebih banyak program latihan dalam perkhidmatan yang menjurus kepada aspek pengajaran kekeluargaan bagi memenuhi keperluan latihan guru dari masa ke semasa. Dengan itu, pengetahuan dan berkemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran kekeluargaan akan dapat dipertingkatkan.

Rujukan

- Abd Shatar, C. A. (2007). *Pengetahuan Kandungan Dan Pedagogi Guru Pendidikan Moral Tingkatan 4 Di Sebuah Sekolah*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Abd. Rahim, B., Mohd. Majid, K., Rashid, J., & Novel, L. (2008). Teaching Efficacy Of University Putra Malaysia Trainee Teachers In Teaching Malay Language As A First Language. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(1), 1–14.
- Abdul Rafie, M. (2001). Pendidikan Moral dalam Dunia Globalisasi: Ke Arah Masa Depan Malaysia. *Ucap Utama dalam Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral dalam dunia globalisasi di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya*.
- Ashton, P. (1984). Teacher Efficacy: A Motivational Paradigm For Effective Teacher Education. *Jurnal of Teacher Education*, 35(5), 28–32.
- Azizi, Y., Halimah, M., Shahrin, H., Yusof, B., & Jamaludin, R. (2009). *Modal Iinsan: Membentuk Keluarga Berkesan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a Unifying Theory Of Behavioral Change. *Psychological Review*, 84(2), 191–215.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Bloom, B. S. (1984). *Taxonomy of Educational Objective Book 1: Cognitive Domain*. 2nd ed. New York: Addison Wesley Publishing Company.
- Cheung, H. Y. (2008). Teaching Efficacy: A Comparative Study Of Hong Kong And Shanghai Primary In-Service Teachers. *The Australia Educational Researcher*, 35(1).
- Coladarci, T. (1992). Teachers' Sense Of Efficacy And Commitment To Teaching. *Journal of Experimental Education*, 60(4), 323–337.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 2nd ed. Upper Saddle River, NJ: Merill.
- Dana, M. (2002). *Theory and Rationale*. Retrieved June 9, 2011, from Prepare tomorrow's parents: Promoting and facilitating parenting education for children and teens: <http://www.preparetomorrowsparents.org/theory.html>.
- Fives, H., & Buehl, M. M. (2009). Examining the Factor Structure Of The Teachers' Sense Of Efficacy Scale. *The Journal of Experimental Education*, 78(1), 118–134.
- Guskey, T. R. (1988). Teacher Efficacy, Self Concept And Attitudes Toward The Implementation Of Instructional Innovation. *Teaching and Teacher Education*, 4(1), 63–69.
- Hoy, A. W., & Spero, R. B. (2005). Changes in Teacher Efficacy During The Early Years Of Teaching: A Comparison Of Four Measures. *Teaching and Teacher Educator*, 21, 343–356.
- Khalid, J., Zurida, I., Shuki, O., & Ahmad Tajuddin, O. (2009). Pengaruh Jenis Latihan Guru Dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 3–14.
- Kotaman, H. (2010). Turkish Early Childhood Educators' Sense Of Teacher Efficacy. *Electronic Journal of Research in Educational Psychology*, 8(2), 603–616.
- Martin, J., Engelbrecht, J., & Chenoweth, L. (1994). Effective Teaching Universiti Family Life Education: Selected Methods. *Family Science Review*, 7(1&2), 55–66.
- Pajares, F. (2001). *Overview of self-efficacy*. Retrieved Jun 21, 2008, from <http://www.emory.edu/EDUCATION/mfp/eff.html>.
- Putat Perkembangan Kurikulum. (1999). *Huraian Sukatan Pelajaran KBSM Pendidikan Jasmani dan Kesihatan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Putat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran KBSM Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Putat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran KBSM Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Putat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Ekonomi Rumah Tangga KBSM tingkatan 4 & 5*. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Teknik & Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Putat Perkembangan Kurikulum. (2004). *Huraian Sukatan Pelajaran KBSM Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Putat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Buku Panduan Pengajaran Dan Pembelajaran Nilai Merentas Kurikulum*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ramlah, A. (1991). *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ross, J. A. (1994). Beliefs That Make A Difference: The Origins And Impacts Of Teacher Efficacy. *Paper presented at The Annual Meeting of The Canadian Association for Curriculum Studies*. Calgary, Alberta.
- Shidler, L. (2009). The Impact Of Time Spent Coaching For Teacher Efficacy On Student Achievement. *Early Childhood Education*, 36, 453–460.
- Shulman, L. S. (1986). Those Who Understand Teach: Knowledge Growth In Teaching. *Educational Researcher*, 15(2), 4–14.
- Simpson, R. (2001). *Raising Teens: A Synthesis Of Research And A Foundation For Action*. Boston, MA: Center for Health Communication, Harvard School of Public Health.
- Siti Safariah, A. O. (2009). *Hubungan Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Pencapaian Pelajar Di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Selangor, Malaysia*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia.
- Teng, L. K. (2006). *Pengaruh Faktor Terpilih Terhadap Efikasi-Kendiri Guru Sekolah Menengah Di Negeri Sarawak*. Tesis Ph.D. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia.
- Tschannen-Moran, M., & Woolfolk Hoy, A. (2001). Teacher Efficacy: Capturing an Elusive Construct. *Teaching and Teacher Education*, 17(7), 783–805(723).
- Tschannen-Moran, M., Woolfolk Hoy, A., & Hoy, W. K. (1998). Teacher Efficacy: Its Meaning and Measure. *Review of Educational Research*, 68(2), 202–248.
- Universiti Pendidikan Sultan Idris. (n.d.). *Panduan Akademik Fakulti sukan 2008/2009sains*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Universiti Putra Malaysia. (n.d.). *Buku Panduan Pengajaran Pra-Siswazah Fakulti Pengajian Pendidikan Sesi Akademik 2009/2010*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Universiti Teknologi Malaysia. (n.d.). *Panduan Akademik Fakulti Pendidikan Sesi 2008/2009*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Universiti Utara Malaysia. (n.d.). *Panduan Akademik Kolej Sastera Dan Sains Sesi 2008/2009*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Wolters, C. A., & Daugherty, S. G. (2007). Goal Structures And Teachers' Sense Of Efficacy: Their Relation And Association To Teaching Experience And Academic Level. *Journal of Educational Psychology*, 99(1), 181–193.